

Headline	Perkongsian pintar sektor perikanan dengan negara dunia ketiga		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Sep 2022	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	19	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	113 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,912
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,737



Perkongsian pintar sektor perikanan dengan negara dunia ketiga

Alor Gajah: Kerajaan menerusi Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC) akan memperluaskan perkongsian teknologi dan kepakaran menerusi bidang penyelidikan dengan beberapa negara dunia ketiga.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Zuraidda Kamaruddin, berkata antara negara dikenal pasti berpotensi untuk perkongsian pintar itu ialah Indonesia, Bangladesh, India, Pakistan dan Kemboja.

Katanya, perkongsian itu termasuk kajian, penyelidikan, makmal dan bidang teknologi yang digunakan di negara ini.

“Semua kepakaran tempatan akan di bawa ke negara itu untuk membangunkan sektor perikanan, selain mempelajari teknologi yang ada di sana untuk diguna pakai di negara ini.

“MTC mempunyai pelbagai kepakaran di dalam bidang perikanan ini yang boleh kita kongsi dengan negara dunia ketiga berkenaan.

“Mereka boleh mempelajari ilmu penyelidikan dari kita hanya kira-kira lima tahun berbanding kajian yang kita lakukan selama 50 atau 60 tahun.

“Namun, apa yang penting kita mahu memanfaatkan kepakaran yang kita ada kepada mereka, itu sahaja,” katanya selepas merasmikan Majlis Penanaman Pokok Sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia di Stesen Penyelidikan FRIM Selandar, semalam.